



# SIARAN MEDIA

## KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS : 8/2024

### MESYUARAT JAWATANKUASA ROAD TO GOLD (RTG)

---

Jawatankuasa *Road To Gold* (RTG) telah bermesyuarat pada hari ini untuk membincangkan perkembangan dan rancangan masa depan program itu ketika Sukan Olimpik Paris semakin hampir.

Mesyuarat yang dipengerusikan bersama oleh YB Hannah Yeoh, Menteri Belia dan Sukan dan Tan Sri Dato' Sri Mohamad Norza Zakaria, Presiden Majlis Olimpik Malaysia. Mesyuarat turut dihadiri oleh semua ahli jawatankuasa termasuk Datuk Haji Hamidin Haji Mohd Amin, *Chef de Mission* Olimpik Paris dan Datuk Nicol David, Timbalan *Chef de Mission*.

Jawatankuasa RTG membincangkan beberapa agenda dalam mesyuarat tersebut termasuk:

- 1) Keseluruhan operasi dan perbelanjaan program RTG (2023-2024);
- 2) Semakan atlet RTG sedia ada;
- 3) Khidmat sokongan kepada setiap atlet RTG dan persatuan;
- 4) Pelaksanaan *Team MAS House* pertama di Sukan Olimpik Paris; dan
- 5) Program *fast track* RTG.

---

### ATLET RTG SEDIA ADA

Jawatankuasa RTG telah memutuskan untuk mengeluarkan penerjun wanita negara Datuk Pandelega Rinong dan Nur Dhabitah Sabri daripada program itu. Datuk Pandelega Rinong dan Nur Dhabitah Sabri telah melakukan yang terbaik untuk membanggakan negara sepanjang tahun tetapi malangnya, di sebalik usaha terbaik mereka, kedua-duanya tidak berjaya mara ke Sukan Olimpik Paris menerusi

Kejohanan Akuatik Dunia baru-baru ini di Doha, Qatar yang menjadi acara kelayakan terakhir awal bulan ini.

Tetapan kriteria program RTG yang jelas, jawatankuasa telah membuat keputusan untuk mengeluarkan Datuk Pandelega Rinong dan Nur Dhabitah Sabri daripada program RTG. Bagaimanapun, kedua-duanya akan terus menjadi sebahagian daripada Program Podium sebagai atlet elit negara.

Jawatankuasa RTG akan terus memantau kemajuan mereka dan Program Podium akan bekerjasama rapat dengan atlet dan persatuan untuk memastikan Datuk Pandelega Rinong dan Nur Dhabitah Sabri menerima semua sokongan untuk mereka menemui semula rentak yang diharapkan sebelum dipertimbangkan semula untuk dimasukkan ke dalam program pada masa hadapan.

Dengan penyingkiran atlet ini daripada program RTG, alatan latihan yang dibiayai oleh RTG seperti platform latihan gim kering baharu (5m), pusat pemulihan khusus dan papan anjal baharu yang diluluskan FINA (yang akan tiba tidak lama lagi) akan menjadi pelaburan jangka panjang yang akan memberi manfaat kepada semua penerjun kebangsaan.

---

## **SOKONGAN KEPADA ATLET RTG**

### **BADMINTON – PERSATUAN BADMINTON MALAYSIA (BAM)**

#### **ATLET BAM**

- Aaron Chia & Soh Wooi Yik,
- Pearly Tan & M.Thinaah,
- Ng Tze Yong,
- Chen Tang Jie & Toh Ee Wei

RTG komited dalam usaha untuk menyokong Persatuan Badminton Malaysia (BAM) dan atlet dalam usaha mereka untuk layak ke Sukan Olimpik Paris. Jawatankuasa telah melakukan yang terbaik untuk memenuhi setiap permintaan daripada badan kebangsaan dengan harapan dapat meningkatkan prestasi pemain sama ada melalui

sokongan tambahan sains sukan, latihan kem di luar negara, peralatan dan sokongan peribadi atlet.

Hari ini, Jawatankuasa RTG telah meluluskan perlanjutan sokongan yang terdiri daripada kem berpusat sebelum Kejohanan Badminton Asia, Piala Thomas & Uber dan Sukan Olimpik Paris. Butiran kem adalah seperti berikut:

Dua (2) Kem Latihan Luar Negara:

- Kem Latihan Pertama (sebelum BAC di China): 26 Mac – 24 April 2024
- Kem Latihan kedua (sebelum Piala Thomas/Uber di China): 15 – 24 April 2024

Kem Latihan Pra-Olimpik:

- Kontinjen menuju Olimpik akan memulakan kem latihan pra-Olimpik selama 10 hari (10 – 20 Julai, 2024) di wilayah Aire Sur La Lys di Perancis

Pada masa ini RTG menyokong BAM untuk perkara-perkara berikut:

i. Perkhidmatan Sokongan Sains Sukan:

- Analisis Prestasi: Nur Zubillah Azis (ISN)
- Pakar Pemakanan: Chai Wen Jin (ISN)
- Jurulatih Fizikal: Muhammad Syafiq Amran (ISN)
- Tukang urut: Sebah Kari (ISN)
- *Strength & Conditioning*: Muhammad Syafiq Amran (ISN)
- Peralatan Pemulihan Khusus
- *Catapult* – Analisis Sukan, Prestasi Perisian dan Peranti

ii. Khidmat Sokongan Baharu khusus untuk Atlet BAM iaitu;

- Pakar Psikologi 1: Dr Rebecca Wong (menyertai pada Ogos 2023)
  - Pakar Psikologi 2: Frederick Tan (menyertai pada Mac 2024)
  - Pasangan Indonesia (Ade Yusof Santoso & Gerardo Rizqullah Hafidz) sebagai regu untuk Pearly Tan-M.Thinaah
-

## **BADMINTON - ATLET BEBAS**

- Ong Yew Sin & Teo Ee Yi

Jawatankuasa RTG telah membantu atlet bebas badminton yang mengejar slot ke Sukan Olimpik melalui:

- i. Perkhidmatan Sokongan Sains Sukan:
  - Analisis Prestasi: Nur Zubillah Azis (ISN)
  - Pakar Pemakanan: Chai Wen Jin (ISN)
  - Jurulatih Fizikal: Muhamad Akif Mohamad Mohsin (ISN)
  - Tukang urut: Mohd Aizul Amin Mohamed Nasir (ISN)
  
- ii. Sokongan Operasi Semasa:
  - Kos latihan dan peralatan
  - Kos perjalanan dan penginapan untuk pertandingan antarabangsa

---

## **BERBASIKAL**

- Datuk Azizulhasni Awang & Shah Firdaus Sahrom

Hari ini, Jawatankuasa RTG telah meluluskan perlanjutan sokongan yang terdiri daripada kem berpusat untuk atlet berbasikal. Butiran kem seperti berikut:

Dua (2) Kem Luar Negara:

- Kem Latihan (Brisbane): 23 Mac – 13 April 2024
- *Aero Camp* (Silverstone, UK): 9 – 13 Jun 2024

Kem Latihan Pra-Olimpik:

- 13 Jun – 1 Ogos 2024 di Mallorca, Sepanyol.

Pada masa ini RTG menyokong PKBM untuk perkara-perkara berikut:

- i. Perkhidmatan Sokongan Sains Sukan
  - Pakar Psikologi: Nur Azura Mat Nasir (ISN)

- Jurulatih fizikal: Erik Tan (ISN)
- Pakar Pemakanan: Mohd Izham Mohamad (ISN)
- Fisioterapi: Rosnah Mat Yatim (ISN)
- Tukang urut: Mollyca Juanis (ISN)
- Pakar Fisiologi Senaman: Lee Chee Ming (ISN)

ii. Sokongan Operasi Semasa:

- Kos latihan dan kem persediaan di luar negara
- Peralatan
- Pusat Pemulihan di Nilai

Jawatankuasa RTG telah menerima laporan mengenai keadaan kesihatan Dato' Azizulhasni Awang dan akan terus memantau perkembangan serta menyokong keperluan latihan dan perubatan beliau dari masa ke semasa.

---

**ANGKAT BERAT**

- Aniq Kasdan

RTG bekerjasama rapat dengan Aniq melalui dedikasi perkhidmatan sains sukan, sesi pemulihan, pemakanan dan peralatan terkini untuk membantunya untuk lebih cemerlang.

Aniq telah menunjukkan peningkatan yang luar biasa sejak menyertai RTG dan kami berharap dia menunjukkan kemajuan positif dan kekal sebagai harapan untuk Sukan Olimpik Paris dan juga untuk Sukan Olimpik 2028 di LA.

Sokongan Operasi Semasa:

- Peralatan baharu (Latihan dan Pertandingan)
  - Pemakanan Tambahan
-

## **TEAM MAS HOUSE**

Buat pertama kalinya, kontinjen Malaysia ke Sukan Olimpik Paris akan menerima perkhidmatan sokongan sains sukan dan perubatan tambahan di premis *Team MAS House* yang terletak di Paris.

Usaha ini disediakan adalah untuk menyediakan penjagaan dan sokongan sebanyak mungkin untuk atlet yang berada di luar Perkampungan Sukan dimana akses yang terhad terhadap perkhidmatan yang boleh diberikan kepada atlet.

---

## **PROGRAM FAST TRACK**

MSN telah memulakan Program *Fast-Track* dengan misi mewujudkan atlet muda dan berbakat yang baharu berumur antara 16 hingga 25 tahun yang berpotensi untuk memenangi pingat emas di Sukan Olimpik LA2028.

Ini adalah selaras dengan pengumuman Jawatankuasa Olimpik Antarabangsa mengenai 35 sukan yang akan dipertandingkan di Sukan Olimpik LA2028. Lima sukan baharu ialah besbol/softball, kriket, bola sepak bendera, lacrosse dan skuasy.

Misi Program *Fast Track* adalah untuk:

- Meningkatkan pencapaian pingat Olimpik negara
- Menambah penyertaan kontinjen dalam lebih banyak sukan Olimpik
- Mencari atlet yang mampu memenangi pingat dalam sukan Olimpik lain selain badminton, terjun dan berbasikal
- Menambah bilangan atlet yang layak ke Sukan Olimpik LA2028

Kriteria pemilihan Program *Fast Track* ialah:

- Pemenang pingat di Sukan Olimpik
- Pemenang pingat di Sukan Asia & Komanwel
- Pemenang pingat di Kejohanan Dunia
- Kedudukan dalam ranking Olimpik 16 Terbaik Dunia
- Kedudukan dalam ranking 20 Terbaik Dunia

Sukan yang dipilih untuk Program *Fast Track* ialah:

- Terjun
- Skuasy

Pencapaian yang ditetapkan untuk Program *Fast Track* ialah:

- 2024 : Top 20 dalam Kedudukan Dunia
- 2026 : Top 12 dalam Kedudukan Dunia
- 2027 : Top 10 dalam Kedudukan Dunia
- 2028 : Layak ke Sukan Olimpik LA2028 dan pencabar pingat

Pertandingan yang ditetapkan untuk Program *Fast Track* ialah:

- 2024: Sukan Olimpik Paris
- 2025 : Sukan SEA Thailand, Sukan Remaja Komanwel & Sukan Remaja Asia
- 2026 : Sukan Olimpik Remaja Dakar, Sukan Komanwel, Sukan Asia Nagoya
- 2027 : Sukan SEA Malaysia
- 2028 : Sukan Olimpik LA2028
- 2032 : Sukan Olimpik Brisbane

RTG telah bersetuju untuk meluluskan Program *Fast Track* ini dan akan bekerjasama dengan MSN untuk memastikan atlet terpilih mendapat sokongan mencukupi untuk mencapai kecemerlangan.

---

## **BERTRAND RHODICT LISES (TERJUN)**

Bertrand Rhodict Lises telah disenaraikan dalam Program *Fast Track* dan Jawatankuasa RTG hari ini memutuskan untuk memasukkan Bertrand Rhodict Lises ke dalam Program RTG bagi memberikan sokongan segera kepada beliau ke Sukan Olimpik Paris. Beliau kekal sebagai prospek kukuh untuk pingat di Sukan Olimpik LA2028. Bertrand Rhodict akan disokong melalui latihan di luar negara dan perkhidmatan sokongan menjelang Sukan Olimpik Paris.

Sebaik sahaja Olimpik Paris berakhir, Bertrand Rhodict akan ditempatkan dalam Program *Fast Track*.

## **SKUASY**

MSN dan Persatuan Raket Skuasy Malaysia telah pun memulakan perbincangan untuk Sukan Olimpik LA2028 melalui bengkel anjuran kedua-dua pihak dan ISN pada 19 Februari.

Inisiatif untuk skuasy akan bermula selepas Sukan Olimpik Paris, dan empat atlet negara telah dikenal pasti berpotensi untuk bersaing di Sukan Olimpik LA2028.

Atlet yang terlibat adalah Ng Eain Yow, S.Sivasangari, Aifa Azman dan Aira Azman.

Keempat-empat atlet ini akan kekal di bawah Program Podium buat masa ini dan diserap ke dalam Program *Fast Track* selepas Sukan Olimpik Paris.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

**29 Februari 2024**